

Berita Harian
 Berita Minggu

Tarikh: 22/12/2011

Hari: Khamis MS: 15

Ruangan: VARU1



PASUKAN bertanding sedang berbincang mengatur strategi.

Cabaran catur didik minat berniaga

CABARAN Catur Bistari Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Peringkat Kebangsaan 2011 menyaksikan persaingan sengit 450 peserta IPT, kolej dan politeknik dari seluruh negara bagi merebut Piala Pusingan Tan Sri Datuk Seri Dr Arshad Ayub serta pelbagai hadiah iringan disediakan.

Edisi keempat pertandingan anjuran Johor Corporation sejak 2008 itu berlangsung di Dewan Muadzam Shah, Universiti Utara Malaysia (UUM) dekat Sintok, Kedah, baru-baru ini.

Pertandingan dianjurkan dengan objektif mencetuskan minat dan kesedaran masyarakat dalam aspek berkaitan bidang pengurusan kewangan serta keusahawanan la juga bagi membentuk budaya dan minat keusahawanan di khususnya generasi muda sebagai kerjaya pilihan, memupuk nilai serta minda keusahawanan seperti belajar untuk mengambil risiko. Catur Bistari juga membantumeningkatkan kemahiran dan kecekapan membuat keputusan selain belajar kepentingan mengembangkan jaringan rangkaian usaha sama dalam perniagaan.

Seriap kumpulan dibahagikan kepada dua dan lima peserta yang bertindak sebagai jurubank dan pembantu jurubank.

Modus operandi permainan

dibahagikan kepada tiga fasa iaitu Fasa 1 - Laluan Makan Gaji, Fasa 2 - Laluan Tjjarah dan Fasa 3 - Laluan Jihad Bisnes.

Setiap fasa harus dilalui setiap peserta bagi mengumpul nilai aset sebanyak boleh.

Di sinilah letaknya keistimewaan permainan catur ini yang bukan sekadar permainan, tetapi berperanan untuk memperkenalkan asas bisnes secara mudah dan praktikal dalam bentuk permainan, selain menguji keupayaan peserta membentuk kecekapan mengatur langkah serta menyusun strategi bagi menjayakan bisnes.

Pada akhir persaingan, Universiti Malaysia Pahang (UMP) unggul dengan mengumpul nilai aset bernilai RM95,524,200 sekali gus merangkul pulang Piala Pusingan Tan Sri Datuk Seri Dr Arshad Ayub selain iPad dan plak tiap seorang.

Tempat kedua ialah Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM); manakala tempat ketiga dimenangi satu lagi pasukan UMP.

Johan nilai aset tertinggi bagi Kategori Individu ialah pelajar UPNM, Shafir Ali Jawahir Raja, yang mengumpul jumlah aset berjumlah RM73,061,200 dan membawa pulang kamera DSLR.